

18 SEP 2000

MARA-Buku

BUKU "MARA MENITI ZAMAN" DITERBITKAN TAHUN DEPAN

LANGKAWI 18 Sept (Bernama) -- Buku berjudul "MARA Meniti Zaman" yang akan diterbitkan tahun depan akan memaparkan mengenai sejarah Mara sejak penubuhannya pada 1950.

Pengarah bahagian Hal Ehwal Korporat MARA Meriyam Abd Majid berkata buku setebal 100 muka surat itu disusun oleh Prof Ramlah Adam dari Universiti Malaysia dan dijangka dikeluarkan pada Jun tahun depan.

Penerbitan buku itu merupakan sebahagian acara sambutan ulang tahun ke 50 Jubli Emas RIDA-MARA yang diadakan sejak Mac lepas, katanya selepas mesyuarat jawatankuasa persiapan perasmian Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Langkawi di sini hari ini.

Sultan Kedah akan berkenan merasmikan MRSM Langkawi di sini pada 7 Okt.

MRSM Langkawi berharga lebih RM60 juta itu beroperasi pada Mac 1997 dengan kira-kira 650 pelajar. Ia dijangka mampu menampung 750 pelajar tahun depan.

Meriyam berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan perayaan itu di Kuala Lumpur pada 3 Nov sebagai acara kemuncak sambutan.

Katanya seramai 34 orang akan menerima anugerah khas daripada pengerusi dan ketua pengarah Mara sejak ditubuhkan sehingga sekarang pada majlis itu.

Selain itu pemilihan tokoh pendidikan dan usahawan Mara akan juga diadakan, katanya.

Meriyam juga berkata pelbagai acara menarik diadakan sempena perayaan itu termasuk majlis tahlil dan doa selamat, pelancaran setem kenangan, pameran dan ekspo.

Larian gemilang Mara turut diadakan di seluruh negara yang bermula sejak 13 Ogos dan dijangka berakhir pada 29 Okt.

-- BERNAMA

ZI NH FAZ